

PERMIT PERGERAKAN DI BAWAH PERINTAH KASTAM (LARANGAN PEMINDAHAN) (PINDAAN) 2018

1. PERINTAH KASTAM (LARANGAN PEMINDAHAN (PINDAAN) 2018

- 1.1. Pada menjalankan kuasa yang diberikan pada Subseksyen 31(1) Akta Kastam 1967 (Akta 235), Menteri Kewangan Malaysia membuat perintah iaitu Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) (Pindaan) 2018 yang mana berkuatkuasa pada 2 Julai 2018. Ini bermaksud apa-apa barang seperti dinyatakan di dalam perintah ini adalah dilarang melainkan jika dibenarkan oleh Ketua Pengarah Kastam.
- 1.2. Sehubungan itu, setiap pemindahan atau pergerakan barangan bagi tujuan perdagangan tempatan seperti pada barangan pada Jadual Pertama, Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) (Pindaan) 2018 di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak hendaklah terlebih dahulu mendapat kelulusan Permit Pergerakan daripada Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) sebelum pemindahan atau pergerakan dilakukan.
- 1.3. Setiap Pergerakan barangan yang tidak berduit / cukai atau telah dibayar duit / cukai seperti pada Jadual Pertama perintah tersebut di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak hendaklah dengan menggunakan Borang Kastam No.3 untuk pengangkutan laut atau udara dan disertakan bersama kelulusan Permit Pergerakan.
- 1.4. Antara jenis-jenis barangan yang kerap atau biasa dihantar / dipindahkan sepertimana pada Jadual Pertama adalah seperti berikut:
 - 3.1.1. Beras – beras biasa, beras wangi, basmati dan beras pulut;
 - 3.1.2. Beras hancur untuk tujuan makanan ternakan / haiwan;
 - 3.1.3. Rotan;
 - 3.1.4. Minyak kelapa sawit termasuk minyak masak;
 - 3.1.5. Marjerin;
 - 3.1.6. *Wine, brandy, whiskies, rum, gin, sake*;
 - 3.1.7. Rokok, cerut, cigar dan bahan tembakau; dan
 - 3.1.8. Produk petroleum (Pemohonan ke Cawangan Industri, Petroleum dan Gas).

- 1.5. Senarai penuh jenis / keterangan barang dan kod tarif yang terlibat sepertimana pada Jadual Pertama, Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) 2018 adalah seperti pada puatan tersebut:-

[http://www.federalgazette.agc.gov.my/outputp/pua_20180629_P.U.%20\(A\)%20146%202018.pdf](http://www.federalgazette.agc.gov.my/outputp/pua_20180629_P.U.%20(A)%20146%202018.pdf)

2. PERINTAH KASTAM (LARANGAN PEMINDAHAN) 2014

- 2.1. Manakala, bagi pergerakan barang-barang (Haiwan/binatang hidup, bunga, dedaun serta tanaman) seperti pada Jadual Kedua, Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) 2014 di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak hendaklah mendapat kelulusan / kebenaran dari pihak berkuasa / agensi yang berkaitan. Sila rujuk pautan berikut untuk maklumat lanjut:

[http://www.federalgazette.agc.gov.my/outputp/pua_20140121_P.U.%20\(A\)%2020_PERINTAH%20KASTAM%20\(LARANGAN%20PEMINDAHAN\)%202014.pdf](http://www.federalgazette.agc.gov.my/outputp/pua_20140121_P.U.%20(A)%2020_PERINTAH%20KASTAM%20(LARANGAN%20PEMINDAHAN)%202014.pdf)

3. PERMOHONAN PERMIT PERGERAKAN DI BAWAH PERINTAH KASTAM (LARANGAN PEMINDAHAN) (PINDAAN) 2018

- 3.1. Permohonan kelulusan bagi pergerakan barang-barang di Jadual Pertama, Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) (Pindaan) 2018 hendaklah dikemukakan seperti berikut:

- 3.1.1. Pergerakan di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak bagi barang-barang pada Jadual Pertama hendaklah dikemukakan kepada mana-mana Pejabat Kastam seperti berikut :-

3.1.1.1. Bahagian Perkastaman,
Ibu Pejabat Jabatan Kastam Diraja Malaysia,
Putrajaya;

3.1.1.2. Pejabat Penolong Ketua Pengarah Kastam Zon Sabah;

3.1.1.3. Pejabat Pengarah Kastam Negeri Sarawak; dan

3.1.1.4. Pejabat Pengarah Kastam, Wilayah Persekutuan Labuan.

3.2. Borang Permohonan

- 3.1.1. Semua permohonan bagi kelulusan pergerakan barang-barang di Jadual Pertama, Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) (Pindaan) 2018 di antara Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak, hendaklah menggunakan borang seperti format di **Lampiran A** iaitu **Permit Pergerakan Di Bawah Perintah Kastam (Larangan Pemindahan) (Pindaan) 2018**.
- 3.1.2. Borang permohonan dihantar di dalam enam (6) salinan. Tandatangan pemohon mestilah tandatangan yang asal bagi setiap salinan tersebut.
- 3.1.3. Borang permohonan tersebut hendaklah diisi selengkapnya oleh pemohon dengan memberi butir-butir yang betul.
- 3.1.4. Borang permohonan tersebut mestilah dikemukakan bersama-sama dokumen seperti yang dinyatakan di **Lampiran Senarai Semak Permohonan**.